

## KOMUNIKASI LISAN VARIAN AIR HANGAT LANGKAWI

Norfazila Ab. Hamid  
*Pusat Pengajian Teras*  
*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*  
*norfazila@kuis.edu.my*

Norhasliza Ramli  
*Pusat Pengajian Teras*  
*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*  
*norhasliza@kuis.edu.my*

Riduan Makhtar  
*Pusat Pengajian Teras*  
*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*  
*riduan@kuis.edu.my*

### ABSTRAK

Makalah ini membicarakan salah satu varian dialek Melayu Langkawi (DML) yang terdapat di Pulau Langkawi Kedah, iaitu varian Air Hangat (VAH). Objektif kajian dalam kertas kerja ini ialah menilai dan memperbaiki semula aspek-aspek fonologi yang masih belum mendapat penjelasan terhadap beberapa kajian tentang VAH terutamanya dalam menentukan jumlah inventori fonem. Justeru, kajian ini bertujuan menyentuh aspek fonetik dan fonologi dengan cara mendeskripsikan sistem fonologi VAH dengan memaparkan penyebaran bunyi konsonan pada posisi kata sama ada di awal, tengah, dan akhir kata serta melihat keberadaan alternasi dalam VAH ini. Pendekatan yang dimanfaatkan dalam mencapai objektif kajian ini ialah pendekatan struktural. Hasil kajian membuktikan bahawa VAH mempunyai 20 fonem konsonan; tujuh buah konsonan letupan /p, b, t, d, k, g, q, dan //, dua konsonan letusan / tΣ, dZ/, empat konsonan geseran /s, ⊗, h/, empat konsonan nasal /m, n, ŋ, N/, satu konsonan sisian /l/ dan dua konsonan separuh vokal /w, j/. Hasil kajian ini secara tidak langsung memperlihatkan komunikasi lisan yang dapat merungkaikan permasalahan kajian lampau dan memberikan satu sumbangan yang baharu dalam bidang linguistik.

**Kata kunci:** dialek; varian Air Hangat (VAH); pendekatan struktural; fonem; konsonan

### PENGENALAN

Negeri Kedah Darul Aman terkenal sebagai sebuah negeri yang kaya dengan pelbagai khazanah dan warisan budaya yang dicirikan oleh masyarakat di dalamnya. Negeri Kedah terletak di utara Semenanjung Malaysia. Negeri Kedah cukup sinonim dengan kisah lagenda, dari dahulu hingga kini, khususnya di Pulau Langkawi. Pulau Langkawi seperti yang diketahui umum telah pun menjadi tumpuan para pelancong dari dalam dan luar negara sejak sekian lama. Pulau Langkawi juga merupakan antara daerah yang tidak asing lagi bagi orang di Malaysia, mahupun orang dari

luar negara yang boleh diklasifikasikan sebagai pelancong luar negara. Hal ini kerana, selain daripada menjadi tempat pelancongan yang menarik, Pulau Langkawi juga begitu menyimpan pelbagai kisah legenda yang perlu disingkap lagi sejarahnya.

Kedudukan Langkawi yang berada di utara Semenanjung Malaysia adalah merupakan sebuah kepulauan yang mengandungi 104 buah pulau. Antara keluasan bagi pulau-pulau tersebut adalah seluas 48,236.91 hektar. Bukan itu sahaja, jaraknya dari Kuala Kedah juga ialah sejauh 51.5km dan dari Kuala Perlis adalah sejauh 30km. Pulau tersebut terdiri daripada 6 mukim, iaitu Kuah, Padang Matsirat, Kedawang, Bohor, Air Hangat, dan Ulu Melaka manakala Bandar Kuah merupakan pusat bandar dan pentadbiran bagi Pulau Langkawi.

### **MUKIM AIR HANGAT**

Nama Mukim Ayer Hangat diambil sempena kewujudan sebuah telaga air panas di dalam mukim ini. Mukim ini dipercayai mula dibuka oleh penduduk yang berketurunan Melayu-Thai dalam sekitar 200 tahun yang lalu. Bahasa perantaraan yang digunakan oleh penduduk dimukim ini pada ketika itu ialah bahasa Siam. Sehingga sekarang kebanyakan penduduk terutamanya generasi lama masih lagi menggunakan bahasa Siam sebagai bahasa perantaraan mereka.

Pusat kegiatan bagi penduduk di mukim ini adalah berpusat di Pekan Kampung Padang Lalang. Bilangan penduduk lelaki di sini ialah seramai 12, 654 orang sementara penduduk perempuan berjumlah 6,583 orang. Selain itu, terdapat beberapa kampung rangkaian yang menjadi kampung utama bagi Mukim Ayer Hangat. Kampung-kampung tersebut ialah Kampung Ayer Hangat, Kampung Bukit Puteri, Kampung Ewa, Kampung Huma, kampung Kilim, Kampung Kubang Badak, Kampung Padang Lalang, Kampung Pasir Hitam, Kampung Sungai Itau, dan Kampung Tua, Jalan Tanjung Rhu. Keluasan mukim ini adalah 63.77 km persegi.

Dalam kajian ini, pengkaji telah membuat penelitian terhadap beberapa kajian lampau yang telah dilaksanakan oleh pengkaji terdahulu. Sebanyak lapan kajian lampau telah dirujuk bagi menilai dan mencari kelompangan yang perlu diisi oleh pengkaji untuk mendapatkan satu hasilan kajian yang baharu. Himpunan penyelidikan kajian lampau terhadap bahasa yang dikaji turut memberikan gambaran awal kepada pengkaji untuk menghasilkan satu kajian baharu dan menghasilkan pendedskripsian yang lebih berpeda. Tidak keterlaluan di sini, pengkaji menyatakan bahawa kajian ini adalah satu kajian rintis yang dilakukan berkait dengan ilmu perbandingan DML ini. Oleh itu, dalam makalah ini hanya satu sahaja varian yang diketengahkan dalam makalah ini, iaitu VAH di Kampung Sungai Itau.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Ekoran daripada beberapa permasalahan dalam kajian lepas, pada asasnya objektif kajian dalam makalah ini ialah menilai dan memperbaiki semula aspek-aspek fonologi yang belum mendapat penjelasan terhadap beberapa kajian tentang VAH. Justeru, kajian ini bertujuan menyentuh aspek fonetik dan fonologi dengan cara mendeskripsikan sistem fonologi VAH dengan memaparkan penyebaran bunyi konsonan dalam kata VAH berlandaskan pendekatan struktural.

## **PENDEKATAN STRUKTURAL**

Kajian ini, adalah berlandaskan pendekatan struktural. Dalam analisis data yang berkait rapat dengan bidang fonologi, pendekatan struktural diguna pakai dalam menganalisis data. Pemilihan pendekatan ini sebenarnya didasarkan pada beberapa hipotesis umum yang terdapat dalam pendekatan ini. Pertama, kaedah yang dipakai dalam pendekatan ini adalah bersifat empiris (induktif). Berdasarkan kaedah ini, sejumlah korpus bahasa yang diperoleh digeneralisasikan secara sistematik. Kedua, bahasa itu adalah ujaran dan kemudian barulah tulisan. Jadi, yang diteliti dan dicatat ialah bahasa lisan. Ketiga, bahasa merupakan satu produk yang terdiri daripada unsur bunyi dan makna. Keempat, pengelasan bunyi berdasarkan distribusinya. Pemilihan pendekatan ini adalah wajar kerana sesuai dengan objektif kajian.

Dalam pendekatan struktural, kaedah deskriptif sesuai digunakan untuk memerihalkan aspek bunyi-bunyi bahasa, konsonan, vokal, dan diftong yang terdapat dalam kawasan kajian ini. Menurut Abdullah Hassan (1980: 66), analisis deskriptif terbit dari kaedah tradisi yang menghuraikan struktur bahasa, termasuklah bunyinya. Bunyi-bunyi yang didengar itu dipinggalkan dan diberi lambang. Kemudiannya bunyi-bunyi tersebut digolongkan kepada sesuatu jenis atas dasar persamaan ciri fonetiknya. Kaedah ini hanya memerlukan penjelasan, huraian atau tafsiran data tentang ciri bahasa sebagaimana ciri itu wujud dan digunakan oleh para penuturnya.

Dalam kajian ini, data dipecahkan kepada dua iaitu bunyi dan kata. Setiap kata ditranskripsikan ke dalam bentuk fonetik. Menurut Samarin (1993: 220), transkripsi fonetik adalah penting kerana ia dapat menentukan sama ada sesuatu kajian itu berjaya atau tidak. Dalam kajian linguistik, transkripsi fonetik digunakan untuk menunjukkan secara tepat bunyi atau ciri-ciri bunyi yang terdapat dalam ujaran yang telah dianalisis. Transkripsi fonetik dilakukan menggunakan lambang fonetik antarabangsa (*International Phonetic Alphabet* (IPA)). Setiap bunyi yang wujud dalam kawasan kajian ini dipaparkan dalam bentuk rajah. Seterusnya, penyebaran bunyi konsonan dalam kata sama ada pada awal, tengah, atau pada akhir kata dipaparkan mengikut kawasan.

## **ANALISIS DAPATAN KOMUNIKASI LISAN SISTEM FONEM KONSONAN VAH**

Dalam bahagian ini, pengkaji akan memaparkan inventori dan penyebaran sistem fonem konsonan dalam kata bagi kawasan kajian. Penyebaran sistem fonem ini memperlihatkan keberadaan fonem berdasarkan posisinya dalam perkataan, iaitu di posisi awal, tengah atau akhir. Varian DML yang diketengahkan dalam makalah ini merujuk kepada VAH.

## **SISTEM FONEM KONSONAN VAH**

DML VAH mempunyai 20 fonem konsonan; tujuh buah konsonan letupan /p, b, t, d, k, g, q, dan //, dua konsonan letusan /tʃ, dʒ/, empat konsonan geseran /s, ʃ, h/, empat konsonan nasal /m, n, ŋ, N/, satu konsonan sisian /l/ dan dua konsonan separuh vokal /w, j/. Jadual 1 memaparkan inventori fonem konsonan yang wujud dalam DML VAH.

Jadual 1 Inventori konsonan DML VAH

Daerah Cara Sebutan		Dua Bibir	Gigi- Gusi	Lelangit Keras	Lelangit Lembut	Anak Tekak	Pita Suara
Letupan/ plosif	Tbs Bs	p b	t d		k g	q	/
Letusan/ Afrikat	Tbs Bs			tΣ dZ			
Geseran/ Frikatif	Tbs Bs		s		⊗		h
Sengau/ Nasal	Tbs Bs	m	n	ʃ	N		
Sisian/La teral	Tbs Bs		l				
Separuh Vokal	Tbs Bs	w		j			

Konsonan letupan yang terdapat dalam DML VAH ialah konsonan letupan dua bibir, gigi-gusi, lelangit lembut dan pita suara. Konsonan-konsonan tersebut ialah /p, b, t, d, k, g, dan //. Terdapat dua fonem letupan dua bibir iaitu /p/ dan /b/ yang dibunyikan sebagai [p] dan [b] dalam DML VAH didapati hanya hadir pada semua posisi awal dan tengah kata. Letupan gigi-gusi dalam DML VAH iaitu /t/ dan /d/ yang dibunyikan sebagai [t] dan [d]. [t] wujud dalam semua posisi kata iaitu pada awal, tengah, dan akhir manakala [d] hanya wujud pada posisi awal dan tengah kata. Seterusnya, konsonan letupan lelangit lembut iaitu /k/ dan /g/ yang dibunyikan sebagai [k] dan [g] hanya hadir pada posisi awal dan tengah kata. Konsonan letupan anak tekak /q/ yang dibunyikan sebagai [q] hanya hadir pada akhir kata dan pita suara /// yang dibunyikan sebagai [/] terdapat pada posisi tengah dan akhir kata. Contoh kesemua kehadiran konsonan letupan pada posisi kata dalam DML VAH ini boleh dilihat dalam Jadual 2.

Jadual 2: Penyebaran konsonan letupan dalam DML VAH

Jenis Konsonan	Penyebaran Konsonan Letupan Pada Posisi Kata					
	Awal	BMS	Tengah	BMS	Akhir	BMS
/p/	[pat]	empat	[lapan]	lapan	[asap]	asap
/b/	[b↔saq]	besar	[abu]	abu	-	
/t/	[tali]	tali	[mati]	kotor	[ikat]	ikat
/d/	[dagin]	daging	[hidup]	hidup	-	-
/k/	[kilat]	kilat	[ekoq]	ekor	-	-
/g/	[ga⊗u]	garu	[gigit]	gigit	-	-
/q/					[leNkaq]	usus
///	-		[mo/tan]	rambutan	[p↔pa/]	mengunyah

Sehubungan itu, dalam DML VAH terdapat dua konsonan letusan iaitu letusan lelangit keras tak bersuara /tΣ/ dan bersuara /dZ/. Letusan lelangit keras tak bersuara /tΣ/ dibunyikan sebagai [tΣ] serta letusan lelangit keras bersuara /dZ/ yang dibunyikan sebagai [dZ] hanya hadir pada posisi awal dan tengah kata. Contoh penyebaran konsonan ini boleh dilihat dalam Jadual 3.

**Jadual 3:** Penyebaran konsonan letusan dalam DML VAH

Jenis Konsonan	Penyebaran Konsonan Letusan Pada Posisi Kata					
	Awal	BMS	Tengah	BMS	Akhir	BMS
/tΣ/	[tΣum]	mencium	[tΣu tΣi]	bersih	-	
/dZ/	[dZa⊗i]	jari	[badZu]	baju	-	

Terdapat tiga konsonan geseran dalam DML VAH iaitu /s/, /⊗/ dan /h/. Konsonan geseran gigi-gusi /s/ yang dibunyikan sebagai [s] didapati konsonan ini hanya hadir pada posisi awal dan tengah kata. Geseran lelangit lembut bersuara /⊗/, yang dibunyikan sebagai [⊗] dalam perkataan didapati hadir pada awal dan tengah kata. Konsonan geseran yang terakhir ialah konsonan geseran pita suara /h/ yang dibunyikan sebagai [h] dalam perkataan, hadir pada semua posisi kata iaitu awal, tengah dan akhir kata. Contoh kesemua konsonan geseran dan bunyi konsonan ini dalam setiap posisi kata tertentu dalam perkataan boleh dilihat dalam Jadual 4.

**Jadual 4:** Penyebaran konsonan geseran dalam DML VAH

Jenis Konsonan	Penyebaran Konsonan Geseran Pada Posisi Kata					
	Awal	BMS	Tengah	BMS	Akhir	BMS
/s/	[susu]	susu	[pusat]	pusat	-	-
/⊗/	[⊗uso/]	rusuk	[o⊗aN]	orang	-	
/h/	[ha⊗i]	hari	[dahan]	dahan	[tanah]	tanah

Seterusnya, terdapat empat konsonan sengau dalam DML VAH iaitu /m/, /n/, /N/, dan /ʃ/. Konsonan sengau dua bibir /m/, yang dibunyikan sebagai [m] dan konsonan sengau gigi-gusi /n/, yang dibunyikan sebagai [n] hadir pada semua posisi kata iaitu pada awal, tengah, dan akhir kata. Konsonan sengau lelangit keras /ʃ/, yang dibunyikan sebagai [ʃ] hanya hadir pada posisi awal dan tengah kata dan konsonan sengau lelangit lembut /N/ yang dibunyikan sebagai [N], hadir pada posisi tengah dan akhir kata. Contoh kesemua konsonan sengau yang hadir pada posisi kata tertentu boleh dilihat dalam Jadual 5.

**Jadual 5:** Penyebaran konsonan sengau dalam DML VAH

Jenis Konsonan	Penyebaran Konsonan Sengau Pada Posisi Kata					
	Awal	BMS	Tengah	BMS	Akhir	BMS
/m/	[mo/tan]	rambutan	[ʔumpot]	rumput	[gaʔam]	garam
/n/	[nasi/]	nasi	[tanah]	tanah	[utan]	hutan
/ŋ/	[/oŋ]	kelapa	[ta/a]	tanya	-	
/N/	-		[t↔liNa]	telinga	[oʔaN]	orang

Konsonan sisian gigi-gusi bersuara /l/ yang dibunyikan sebagai [l] dalam perkataan, didapati hanya berada pada posisi awal dan tengah kata. Contoh penyebaran konsonan ini ialah seperti yang terdapat dalam Jadual 6.

**Jadual 6:** Penyebaran konsonan sisian dalam DML VAH

Jenis Konsonan	Penyebaran Konsonan Sisian Pada Posisi Kata					
	Awal	BMS	Tengah	BMS	Akhir	BMS
/l/	[laʔi]	lari	[tulaN]	tulang	-	

Dalam DML VAH, terdapat konsonan /w/ dan /j/ yang dibunyikan sebagai [w] dan [j]. Konsonan separuh vokal dua bibir /w/ dan konsonan separuh vokal lelangit keras /j/, hanya hadir pada posisi tengah dan akhir kata. Pada akhir perkataan didapati kedua-dua konsonan dalam DML VAH ini memperlihatkan sebagai satu penyatuan bagi membentuk diftong. Contoh penyebaran konsonan separuh vokal ini boleh dilihat dalam Jadual 7.

**Jadual 7:** Penyebaran konsonan separuh vokal dalam DML VAH

Jenis Konsonan	Penyebaran Konsonan Separuh Vokal Pada Posisi Kata					
	Awal	BMS	Tengah	BMS	Akhir	BMS
/w/	-		[bEwa/]	biawak	[baw]	bahu
/j/	-		[ajaŋ]	air	[suNaŋ]	sungai

Seterusnya, berkaitan dengan rangkap konsonan (gugus konsonan) DML VAH memperlihatkan wujudnya sembilan rangkap konsonan yang terdiri daripada bukan homorganik nasal yang hadir pada posisi awal kata serta homorganik nasal (nasal + letupan dan nasal + letusan) dan bukan homorganik yang hadir pada posisi tengah kata yang membentuk konstruksi seperti berikut; / bʔ-, pʔ-, -ŋg-, -Nk-, -mp-, -mb-, -nt-, -nd-, dan -ndZ-/. Contoh kehadiran kesemua rangkap konsonan ini boleh dilihat dalam Jadual 8.

**Jadual 8:** Penyebaran rangkap konsonan dalam DML VAH

Rangkap Konsonan	Penyebaran Rangkap Konsonan Pada Posisi Kata					
	Awal	BMS	Tengah	BMS	Akhir	BMS
/b⊗-/	[b⊗apa]	berapa	-		-	
/pl-/	[plantaq]	pelantar				
/-Ng-/	-		[dZaNgot]	janggut	-	
/-Nk-/	-		[⊗↔NkoN]	kerungkungan	-	
/-mp-/	-		[l↔mp↔du ]	empedu	-	
/-mb-/	-		[bumbuN]	bumbung	-	
/-nt-/	-		[dZantoN]	jantung	-	
/-nd-/	-		[dZ↔ndela]	jendela	-	
/-ndZ-/	-		[pandZaN]	panjang	-	

### KESIMPULAN

Dalam makalah ini, pengkaji telah memaparkan hasil daripada dapatan kajian terhadap DML VAH. Analisis data bermula dari segi penyebaran fonem dan bunyi yang terdapat dalam kawasan kajian berdasarkan bunyi konsonan. Hasilnya, VAH mempunyai 20 fonem konsonan; tujuh buah konsonan letupan /p, b, t, d, k, g, q, dan //, dua konsonan letusan /tΣ, dZ/, empat konsonan geseran /s, ⊗, h/, empat konsonan nasal /m, n, ŋ, N/, satu konsonan sisian /l/ dan dua konsonan separuh vokal /w, j/. Hasil kajian ini diharap dapat memberikan satu penemuan yang baharu dan dapat dijadikan rujukan oleh para linguist bagi merungkaikan segala permasalahan yang timbul dalam kajian-kajian yang lepas.

### RUJUKAN

- Abdullah Hassan. 1974. Pertembungan Bahasa dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa* 17 (5): 216-236.
- Abdullah Hassan. 1980. *Linguistik Am untuk Guru Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Abdul Chaer Madi'e. 1979. Distribusi Beberapa Fonem Segmental Sebagai Ciri Penanda Subdialek Dalam Bahasa Melayu Dialek Jakarta. *Dewan Bahasa* 22 (7): 39-51.
- Abdul Hamid Mahmood. 1982. *Morfologi Dialek Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Hamid Mahmood & Nor Aina Dani. 1994. Pengaruh Bahasa Ibunda dalam Proses Pembelajaran Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Dusun. *Jurnal Dewan Bahasa* 38
- Adeelar, K.A. 2005a. Melayo-Sumabawan. *Oceanic Linguistics* 22: 357-388.

- Ahmad Mahdzan Ayob. 1997. *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1975. *Essays on Malaysian Linguistics*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1977. *Kepelbagaian Fonologi Dialek-Dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1983. *The Malay Peoples of Malaysia and Their Languages*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1985. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. 1994. Bahasa-Bahasa Bumiputera Sarawak. *The Sarawak Museum Journal XLVII* (68): 145-153.
- Asrah Daud. 1991. Dialek Patani dan Dialek Kelantan: Satu Dialek yang Sama atau Berbeza. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bailey, K.D. 1984. *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cense, A.A & Uhlenbeck, E.M. 1958. *Critical Survey of Studies on the Languages of Borneo*. 's-Gravenhage: Martinus Nijhoff.
- Collins, James. T. 1989. *Antologi Kajian Dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jalal Ahmad. 1967. *Penyelidikan Bahasa Daerah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Samarin, William J. 1993. *Linguistik Lapangan: Panduan Kerja Lapangan Linguistik*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.